

## PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT DAN ORANG YANG DILAPORKAN

**Prosedur** yang wujud pada masa ini bertujuan untuk memastikan **kerahsiaan** dan menghormati hak Pemberi Maklumat dan Orang yang Dilaporkan atau Dituduh.

**Anda tidak boleh dalam apa-apa jua keadaan dikenakan tindakan balas, amaran atau tekanan** dalam apa-apa jua bentuk apabila mengemukakan sesuatu Aduan secara suci hati, walaupun fakta tersebut kemudiannya terbukti tidak betul atau tidak menghasilkan apa-apa bentuk tindakan. **Mana-mana orang yang bertanggungjawab melakukan tindakan balas adalah tertakluk kepada tindakan tatatertib.**

**Sebaliknya**, sesuatu Aduan yang dikemukakan dengan niat jahat, dengan niat untuk memburukkan atau merosakkan reputasi Orang yang Dilaporkan, boleh menyebabkan Pemberi Maklumat dikenakan tindakan tatatertib atau pendakwaan, bergantung kepada perundangan yang terpakai.

**Maklumat pengenalan Pemberi Maklumat dan Orang yang Dilaporkan ditangani secara sulit** dan akan didedahkan kepada Orang Hubungan yang Dilantik atau mengikut undang-undang.

**Langkah-langkah kerahsiaan akan lebih berkesan jika Pemberi Maklumat:**

- **Menggunakan Sistem Pemberian Maklumat** untuk mengemukakan Aduan atau apa-apa maklumat yang berkaitan dengan sesuatu Aduan,
- **Sangat berhati-hati** tentang cara anda berkomunikasi,
- **Menyatakan bahawa anda mengemukakan sesuatu Aduan.**

## TALIAN ADUAN - NOMBOR ANTARABANGSA BEBAS TOL

Argentina	0800 6662603	Latvia	8000 26 70
Australia	1800 121 889	Lithuania	8800 30 444
Austria	0800 281700	Luxembourg	8002 4450
Bahrain	80004475	Malaysia	1800 807055
Bangladesh	157001	Malta	800 62404
Belgium	0800 71025	Mexico	01800 123 0193
Brazil	0800 891 8807	Norway	800 14870
Bulgaria	00800 110 44 74	Pakistan	00800900 44181
Kanada	1888 268 5816	Peru	080053611
Chile	123 002 004 12	Filipina	1800 1442 0076
China Netcom (Utara)	00800 3838 3000	Poland	00800 441 2392
China Telecom (Selatan)	10800 441 0078	Portugal	800 880 374
Croatia	0 800 222 845	Puerto Rico	1866 293 1804
Columbia	01800-944 4796	Romania	08008 94440
Costa Rica	08000440101	Rusia	810 800 2058 2044
Cuba	2935	Arab Saudi	800 844 0172
Cyprus	800 95207	Singapura	800 4411 140
Republik Czech	800 142 428	Slovakia	0800 004461
Denmark	8088 4368	Slovenia	0800 80886
Mesir	0800 000 00 23	Afrika Selatan	0800 990520
Eire (Ireland)	1800 567 014	Sepanyol	900 944401 011 244 5413
Estonia	800 00 44 265	Sri Lanka	(dari Colombo abaikan 11) 0200 285415
Finland	0800 116773	Sweden	0200 285415
Perancis	0800 900240	Switzerland	0800 563823
Jerman	0800 182 3246	Taiwan	0080 10 44202
Greece	00800 441 31422	Thailand	001 800 442 078
Hawaii	1866 293 2604	Turki	0080044632066
Hong Kong	800 930770	United Kingdom	0800 374199
Hungary	06800 14863	UAE	8000 44 138 73
Iceland	800 82 79	AS	1877 533 5310
India	000 800 440 1286	Venezuela	0800 100 3199
Indonesia	001803 04411201	Vietnam	120 11527
Israel	1809446487		
Itali	800 783776		
Jepun	00531 78 0023		
Korea (Selatan)	00308 442 0074		



## PROSEDUR PEMBERIAN MAKLUMAT



Di samping peluang yang ditawarkan oleh Valeo untuk melaporkan tingkah laku atau amalan yang kelihatan bertentangan dengan peraturan semasa atau Kod Etika, Tatakelakuan Rakan Perniagaan dan/atau dasar serta prosedur pematuhannya, Valeo telah menyediakan **Sistem Pemberian Maklumat** yang terdiri daripada:

- ▶ Talian Aduan,
- ▶ Orang Hubungan yang Dilantik oleh Valeo,
- ▶ Pengurus barisan Langsung atau Tidak Langsung.

Sistem ini membolehkan Pemberi Maklumat mengemukakan sesuatu Aduan yang akan ditangani sebagai sulit.

Dokumen semasa menerangkan prosedur yang perlu diikuti untuk mengemukakan Aduan anda melalui Sistem Pemberian Maklumat.

#### PEMBERI MAKLUMAT

Seseorang **Pemberi Maklumat** merujuk kepada mana-mana orang yang dibenarkan oleh Undang-Undang untuk mengemukakan Aduan kepada Valeo menggunakan Sistem Pemberian Maklumat.

Beliau mungkin:

- ▶ Seorang pekerja Valeo,
- ▶ Seorang kontraktor,
- ▶ Seorang pekerja sambilan,
- ▶ Seorang pihak ketiga yang diberi kuasa oleh undang-undang.

#### ADUAN

Sesuatu **Aduan bermaksud pelaporan**:

- ▶ Perbuatan rasuah atau salah guna pengaruh yang disyaki atau terbukti atau pelanggaran yang disyaki/terbukti terhadap program atau Dasar Antirasuah Valeo,
- ▶ Perbuatan rasuah atau salah guna pengaruh,
- ▶ Perbuatan yang disyaki atau terbukti mungkin berbentuk:
  - Suatu jenayah atau kesalahan,
  - Suatu pelanggaran yang serius dan jelas terhadap perjanjian antarabangsa yang telah diratifikasi atau diluluskan oleh negara Perancis atau keputusan sehalu sebuah badan antarabangsa berdasarkan

perjanjian, ataupun undang-undang atau peraturan berkenaan,

- Suatu ancaman atau kemudaratan yang serius terhadap kepentingan awam,
- Amalan antipersaingan.
- ▶ Kewujudan risiko, atau kejadian sebenar pelanggaran hak asasi manusia dan kebebasan asasi yang serius, dan keadaan yang memudaratkan kesihatan dan keselamatan individu serta persekitaran.

#### SISTEM PEMBERIAN MAKLUMAT

**Untuk melaporkan tingkah laku atau amalan yang dipercayai bertentangan dengan undang-undang atau kepada salah satu prosedur atau dasar Valeo, anda boleh mengemukakan suatu Aduan secara sulit melalui Sistem Pemberian Maklumat yang terdiri daripada:**

- ▶ **Talian Aduan**, sebuah sistem yang disediakan oleh Valeo menerusi pembekal perkhidmatan. Anda boleh mengemukakan Aduan anda dan dokumen sokongan dengan cara berikut:
  - **Secara lisan:** Nombor bebas tol yang boleh digunakan untuk menghubungi operator dan disambungkan kepada orang hubungan yang berkomunikasi dalam bahasa anda. Senarai nombor antarabangsa bebas tol boleh didapati di akhir dokumen ini. Selain itu, nombor berikut, **+44 1249 661 808**, yang dicaj pada kadar standard, boleh dihubungi dari mana-mana sahaja.
  - **Secara bertulis:** Sebuah laman web yang disediakan secara percuma membolehkan anda melengkapkan soal selidik yang telah ditetapkan dan menyediakan Aduan yang terperinci serta didokumenkan, diterangkan dengan lengkap dalam bahasa pilihan anda. Anda boleh memuat naik dokumen sokongan melalui portal yang tersedia di sini: [www.expolink.co.uk/valeo](http://www.expolink.co.uk/valeo).
  - **Melalui e-mel:** [valeo@expolink.co.uk](mailto:valeo@expolink.co.uk).
- ▶ **Orang Hubungan yang Dilantik**, ialah seseorang yang dilantik oleh Kumpulan untuk menerima, menganalisis dan memproses Aduan yang dikemukakan kepada mereka, secara langsung atau melalui Talian Aduan atau seseorang pengurus. **2 Orang Hubungan yang Dilantik** ialah :

- ▶ Ketua Pegawai Etika & Pematuhan Kumpulan
- ▶ Pengarah Audit Dalaman & Kawalan Dalaman Kumpulan

Anda boleh menghubungi salah seorang daripada mereka:

- **Melalui telefon** di talian **+33 1 40 55 20 20**,
- **Melalui pos** kepada alamat berikut: 43 Rue Bayen 75017 Paris.

- ▶ **Pengurus langsung atau tidak langsung anda atau orang hubungan biasa**, yang boleh menerima aduan anda.

#### MENGENGEMUKAKAN ADUAN

Walau apapun **cara yang anda pilih untuk mengemukakan Aduan, anda mestilah:**

- Menyatakan sama ada anda ipekerja Valeo, kontraktor atau pekerja sambilan,
- **Nyatakan bahawa anda sedang mengemukakan Aduan** seperti yang ditakrifkan dalam Prosedur semasa, terutamanya jika berkomunikasi secara langsung, sama ada secara lisan atau bertulis,
- Terangkan fakta-fakta yang berkaitan secara langsung dengan Aduan tersebut, secara tepat, berobjektif, berkaitan dan berfakta.
- Hantar apa-apa dokumen sokongan melalui e-mel atau, jika anda ingin kekal tanpa nama, sila muat naik dokumen-dokumen tersebut ke laman web Talian Aduan. Dokumen-dokumen ini dianggap sebagai sulit.

Jika anda memerlukan nasihat, sila hubungi Penaung Pematuhan, Jabatan Undang-undang atau Ketua Pegawai Etika dan Pematuhan anda.

**NB** - Di bawah sesetengah bidang kuasa undang-undang, Pemberi Maklumat adalah dinasihatkan untuk mendedahkan identiti diri mereka.